

Jamuan Hari Raya peniaga kecil di Chow Kit meriah

UM 16 JAN 2002

KUALA LUMPUR 15 Jan. — Puluhan ribu pengunjung pelbagai kaum malam ini membanjiri kawasan Chow Kit di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini malam ini bagi memeriahkan majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri.

Majlis yang julung-julung kali diadakan itu berjaya menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat terutama kalangan peniaga serta penjaja kecil sekitar ibu negara.

Itu dianjurkan oleh Persatuan Penjaja dan Peniaga Wilayah Persekutuan.

Kemeriahan majlis tersebut juga begitu dirasakan oleh penduduk dan penjaja sekitar kawasan itu.

Berhimpun

Kali terakhir begitu ramai pengunjung berhimpun di Chow Kit ialah pada awal tahun 1980-an ketika Allahyarham Sudirman Arshad mengadakan konsertnya di situ.

Menurut Timbalan Yang Dipertua Gabungan Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia, Bahrim A. Razak, sambutan hebat orang ramai terhadap majlis itu adalah di luar jangkaan.

Lebih membanggakan, katanya, ialah golongan bukan Islam juga memeriahkan jamuan tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad serta isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah merupakan tetamu istimewa majlis tersebut.

Pada majlis yang berlangsung selama tiga jam itu, pelbagai juadah disediakan di beberapa buah khemah di kawasan itu.

Sepanjang majlis berlangsung, para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian oleh beberapa artis tempatan serta kumpulan penari tradisional pelbagai kaum.